

MELESTARIKAN SUMBER AIR NEGARA

Oleh ROHANA MAN
(Yang Mengikuti Ekspedisi Sumber Air Negara di Negeri Kedah pada 4 hingga 6 Ogos 2018)

BEKALAN air bersih merupakan nadi kehidupan kepada setiap makhluk bernyawa di muka bumi ini. Sama ada manusia, haiwan ataupun tumbuhan, air diperlukan untuk kelangsungan hidup. Ada pendapat menyatakan manusia hanya dapat bertahan selama tiga hari tanpa air untuk terus bernyawa. Lebih lama daripada tempoh itu meletakkan risiko manusia kehilangan nyawa akibat dehidrasi.

Sudah tentu bekalan air bersih diperlukan. Untuk menguruskan sumber air bukanlah mudah. Namun, kerjasama pelbagai agensi berkaitan berjaya meletakkan Malaysia muncul antara negara terbaik di Asia dalam pengurusan sumber air.

Pelbagai usaha telah dan akan dilakukan bagi meningkatkan kesedaran orang ramai demi memastikan sumber yang membekalkan air bersih kepada penduduk dipelihara.

Pensyarah Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr. Ismail Abustan ketika



ditemui S2 memberitahu, kualiti air negara mengikut piawaian antarabangsa dan jika berlaku pencemaran, loji terbahit akan ditutup sehingga masalah itu dapat diselesaikan.

“Kualiti pengurusan sumber air negara berada dalam kedudukan amat baik kerana setiap jabatan berkaitan mempunyai tanggungjawab dan bidang kuasa masing-masing dalam melaksanakan tugasan.

“Misalnya, sebelum air turun ke bumi, kita ada MetMalaysia yang meramalkan hujan. Bila air jatuh ke permukaan, kita ada JPS (Jabatan Pengairan dan Saliran), manakala tempat air bertakung pula diuruskan oleh TNB (Tenaga Nasional Berhad) dan MADA (Lembaga Kemajuan Pertanian Muda). Itu antara contoh,”katanya.

Menurutnya, ada agensi menentukan berapa jumlah bekalan air minum, berapa untuk

pertanian dan berapa untuk industri diperlukan di setiap kawasan.

Beliau yang fokus pada air bandar berkata, penduduk, pertanian dan industri saling memerlukan bekalan dan di negara kita, faktor yang merosakkan sumber air adalah perancangan tidak terkawal sama ada dari sektor perhutanan, pertanian atau pembukaan tanah.

“Perancangan tidak terkawal merosakkan alam sekitar. Misalnya, pembukaan ladang kelapa sawit yang menjadi antara punca pencemaran air,”ujarnya.

Namun, katanya, disebabkan ladang sawit merupakan salah satu sumber ekonomi negara, maka pihak terlibat perlu menyeimbangkan aktiviti perladangan dengan kadar kelestarian maksimum supaya tidak ada impak yang boleh menjejaskan kualiti air.

Mengulas mengenai beberapa kawasan di negara ini menghadapi masalah kekurangan bekalan air, katanya, ia sepatutnya tidak berlaku kerana negara menerima jumlah hujan mencukupi iaitu kira-kira

3,000 milimeter setahun.

Menurutnya, Australia hanya menerima 1,000 milimeter setahun tetapi negara itu tidak menghadapi masalah bekalan air kerana negara itu mampu mengurus sumber air dengan baik.

Ismail berkata, apa yang berlaku di negara kita adalah kita alpa terhadap ‘kemewahan’ sumber air yang banyak.

“Kita alpa apabila kita mewah. Kita harap kemewahan itu dapat dikecapi sampai bila-bila. Apabila berlaku bencana alam, kemewahan itu akan berkurangan. Jika tiada pendekatan betul diambil, maka masalah akan timbul,”ujarnya.

Beliau menegaskan, usaha memelihara sumber air mestilah bermula daripada penduduk. Ini kerana katanya, apabila air sungai surut, kita boleh nampak banyak timbunan sampah termasuk botol, plastik dan tin di kawasan yang telah surut.

Ini katanya, menunjukkan penduduk negara ini masih tidak ada minda yang betul dalam menghadapi isu alam sekitar, khususnya pengurusan sungai.

“Jika di negara maju, kita boleh nampak sungai yang menempuh kawasan bandar kekal bersih dan jernih sehinggalah ada ikan dan itik berenang di dalamnya.

“Kehadiran ikan dan itik dalam sesebuah sungai menjadi indikator sama ada sungai itu bersih atau tidak, atau pencemaran berada pada tahap maksimum,” katanya yang



SEORANG nelayan sungai meraih rezeki di Sungai Petani yang mengalir masuk ke Sungai Merbok, Kedah.

menegaskan ikan memerlukan oksigen untuk hidup dan jika sesebuah sungai tercemar, maka kandungan oksigen di dalamnya berkurangan.

Beliau menjelaskan seekor ikan memerlukan lima miligram oksigen per liter air dan kalau kurang daripada jumlah itu, maka hanya spesies ikan tertentu sahaja yang boleh hidup seperti ikan haruan yang tidak memerlukan oksigen yang banyak untuk hidup.

Katanya, apa yang dibimbangi kini adalah kemunculan spesies ikan baru di sungai negara kita.

“Spesies baru itu adalah ikan yang memerlukan kurang oksigen untuk hidup dan membiak tanpa kawalan.

Misalnya, ikan kap yang dibawa masuk ke sungai-sungai di Australia menyebabkan sungai di negara itu rosak. Begitu juga di Florida, Amerika Syarikat yang terpaksa bergelut dengan spesies ikan pemangsa iaitu snakehead yang makan apa sahaja sehingga spesies ikan sedia ada terjejas.

Beliau berharap masalah itu tidak berlaku di sungai-sungai Malaysia.

“Saya harap kerjasama antara setiap agensi pengurusan sumber air di setiap negeri bekerjasama dalam melestarikan sungai kita.

“Insha-Allah, kerjasama yang dijalin akan memberi manfaat kepada manusia, flora dan fauna, sekali gus melestarikan sungai agar terus sihat,” tambahnya.

KEHADIRAN ikan dalam sesebuah sungai menjadi indikator yang menentukan kualiti air sungai sama ada dicemari atau tidak. - GAMBAR HIASAN



HUTAN bakau menjadi 'dinding' kepada penempatan penduduk bagi menghadapi bencana tsunami.

Tingkat kecekapan pengurusan sungai

PENGALAMAN berkampung selama tiga hari di daerah Kuala Muda, Kedah bertempat di Sungai Sedim, Kuala Muda dan Sungai Merbok pada 4 hingga 6 Ogos 2018 amat berharga kerana banyak pengetahuan dikongsi bersama penganjur, peserta dan media.

Dinamakan Ekspedisi Sumber Air Negara Di Negeri Kedah, program itu bukan sahaja mendekatkan peserta dengan aspek pengurusan sumber air negara, malah turut berpeluang melibatkan diri dalam aktiviti berkonsepkan ekopelancongan, agropelancongan dan arkeologi.

Masing-masing setiap lokasi yang dipilih untuk diterokai peserta memiliki tarikan sendiri, selain membekalkan peserta dengan pengetahuan mengenai projek-projek yang dilaksanakan berkaitan pengurusan sumber air.

Malah ada program yang mendedahkan secara langsung peserta dengan aspek sumber air dan ekosistem seperti lawatan ke Pejabat Lembangan Sungai Muda (PLSM), Ampang Jajar (barrage)

dan Bilik Kawalan Empangan Muda. Lawatan itu ternyata meningkatkan pengetahuan peserta mengenai pengurusan air untuk tujuan kawalan banjir dan pertanian.

Ekspedisi itu juga memberi peluang kepada agensi berkaitan dan penyelidik menjalankan kajian berterusan bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sumber air negara, selain membantu mempromosikan destinasi ekopelancongan dan agropelancongan di daerah ini.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Air dan Hidrologi, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Nor Hisham Mohd Ghazali ketika berucap pada majlis perasmian program berkata, sumber air negara dijangka berhadapan dengan pelbagai isu dan ancaman seperti banjir, pencemaran dan kemarau.

Menurutnya, kesemua isu dan ancaman itu memerlukan tindakan pencegahan, pembetulan dan pemuliharaan. Sehubungan itu, katanya,

pengurusan sumber air perlu fokus, cekap dan berkesan untuk pengekal dan kelestarian sumber air negara.

“Sumber air mempunyai pertalian dengan makanan, industri, pelancongan dan alam sekitar. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita untuk bersama generasi akan datang meningkatkan kesedaran dan keprihatinan demi memastikan ekosistem negara sentiasa dipelihara,”katanya.

Teks ucapan beliau dibaca oleh Pengarah JPS Negeri Kedah, Baharuddin Abdullah.

Ekspedisi ini dianjurkan JPS Kedah dengan kerjasama UNESCO-IHP & JPS Malaysia. Sebanyak 66 peserta termasuk media menjayakan program ini.

Dalam ucapan itu juga, beliau menegaskan, usaha membina keupayaan dan capaian kesedaran sumber air perlu diwujudkan dan diperluaskan kepada semua lapisan masyarakat termasuk pembuat dasar, pengurus sumber, guru, pensyarah, media, penyelidik

dan orang awam. Ini katanya, penting supaya mereka memiliki rasa cinta kepada air bersih dan persekitaran yang harmoni.

Sementara itu, hari pertama program menyaksikan peserta terlibat dalam aktiviti merentas hutan, meniti laluan kanopi (tree top walk) dan berakit arus deras di Sungai Sedim.

Pada hari kedua pula, pihak penganjur membawa peserta melawat PLSM, Tapak Arkeologi Sungai Batu, Muzium Arkeologi Lembah Bujang, Projek Madu Kelulut SAF Merbok dan Ladang Nipah Ismail Che Kar.

Sementara itu, pada hari terakhir, aktiviti zumba diadakan di Jeti Semeling. Taklimat pelancongan daerah Kuala Muda turut disampaikan kepada peserta.

Selepas itu, peserta dibawa menaiki bot menyelusuri Sungai Merbok bagi meninjau hutan bakau di kiri dan kanan tebing sungai serta melawat projek sangkar ikan air tawar yang diusahakan oleh Shaiful Zairi Ahmad Subhi di Teluk Bayu.



LAWATAN ke sangkar ikan tawar di Teluk Bayu.



PESERTA Ekspedisi Sumber Air Negara Di Negeri Kedah bergambar kenangan di hadapan Pejabat Lembangan Sungai Muda.